



## Colgate慈善活動 籌獲逾11萬捐孤兒院

(吉隆坡26日讯)由Colgate所推行的“Mari Beramal Bersama Colgate”慈善活动,取得空前成功,筹获11万6千令吉,超出预先设定的10万令吉目标。

这项于去年8月进行至9月的慈善活动,在全国42间Mydin同时进行。消费者只需到Mydin购买175克的Colgate Kayu Sugi及Colgate Maximum Cavity Protection, Colgate及Mydin将个别捐出10仙作为慈善。

这是Colgate续2008年筹获7万令吉后,第二次举办类似活动。受惠的10所孤儿院将由社会福利局选出,所筹得的义款将用在教育、维修孤儿院及儿童整福利上。由于该活动取得不俗成绩,因此Colgate也宣布增加受惠单位。

Colgate-Palmolive董事理依善巴钱拉尼日前在移交仪式上将11万6千令吉的模拟支票交给妇女、家庭及社会发展部长拿督斯里莎丽扎。仪式出席包括社会福利局副总监哈丽佳

哈雅及社  
利局社区  
监阿布巴  
敏。

另外  
位的孤儿  
义的活动  
网

www.colga



SHAHRIZAT Abdul Jalil bersama kanak-kanak daripada rumah kebajikan bergambar kenang-kenangan pada majlis penyerahan sumbangan anjuran Colgate di Kuala Lumpur baru-baru ini. Turut sama Issam Bachaalani.

# Derma RM116,000

## 10 rumah kebajikan anak yatim terima bantuan kempen amal Colgate-Palmolive

>>Oleh Hamidah Badiran  
am@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Prihatin dengan nasib anak yatim Colgate-Palmolive memberi sumbangan RM116,000 kepada 10 rumah kebajikan dipilih Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) di sini, semalam.

Sumbangan itu hasil kutipan kempen Mari Beramal Bersama Colgate dilancarkan dan berlangsung pada Ogos dan September tahun lalu.

Pengarah Urusan Colgate-Palmolive, Issam Bachaalani, berkata jumlah dikumpul itu di luar dugaan kerana ia melebihi matlamat asal kutipan iaitu RM100,000.

“Saya gembira sambutan positif pengguna yang menunjukkan semangat menderma mereka selama dua bulan kempen itu dijalan-

kan.

“Dengan setiap pembelian pek Colgate Maximum Cavity Protection 175 gram atau Colgate Kayu Sugi 175 gram, 10 sen diambil bagi mengisi tabung sumbangan itu,” katanya pada majlis penyerahan replika cek itu kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Pengarah Ketua Pengarah Operasi JKJ, Halijah Yahaya dan Pengarah Pembangunan Masyarakat, Syed Abu Bakar Abdul Hamid.

Antara penerima sumbangan berkenaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Sabak Bernam, Jemaah Pengurusan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Ulu Gadong, Negeri Sembilan dan Pusat Jagaan Matthew Batu Caves.

Shahrizat berkata, pengasas dan pekerja di rumah ke-



TERIMA KASIH...beberapa kanak-kanak rumah kebajikan menunjukkan kad ucapan terima kasih kepada Shahrizat (dua dari kiri), semalam.

bajikan mempunyai tanggungjawab menjaga anak yatim, kurang berkemampuan, orang kurang upaya (OKU) dan orang tua.

“Bukan semua orang boleh melaksanakan peranan ini

kerana ia memerlukan mereka memberi perhatian kepada setiap penghuni di rumah kebajikan itu,” katanya.

Sementara itu, wakil Jemaah Pengurus Kebangsaan Anak-Anak Yatim dan Mis-

kin Ulu Gadong, Negeri Sembilan, Alizah Rashid, berkata sumbangan itu akan digunakan untuk pendidikan, keperluan harian dan beberapa aktiviti harian termasuk acara sukan.



## Colgate sumbang RM116,000 kepada anak yatim

KUALA LUMPUR – Kempen Mari Beramal Bersama Colgate 2009 yang mendapat sambutan hangat sejak dilancarkan, berakhir baru-baru ini dengan pencapaian yang sangat memberangsangkan.

Sebanyak RM116,000 berjaya dikumpulkan dalam kempen itu, jumlah yang melebihi matlamat asal, iaitu RM100,000 sebelum kempen itu dilancarkan.

Kempen Mari Beramal Bersama Colgate diadakan selama dua bulan, pada Ogos dan September tahun lalu sempena bulan Ramadan.

Bagi setiap pek Mari Beramal Bersama Colgate – Colgate Maximum Cavity Protection 175g atau

Colgate Kayu Sugi 175g yang dijual, 10 sen diketepikan untuk diagihkan kepada sepuluh rumah anak yatim dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Ini merupakan kali kedua Colgate mengemukakan kempen amal ini setelah berjaya mengumpulkan sebanyak RM70,000 pada tahun 2008.

Cek berjumlah RM116,000 telah diserahkan kepada Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (JKM), Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil oleh Pengarah Pengurusan Colgate-Palmolive, Issam Bachaalani dalam satu majlis di ibu negara baru-baru ini.

Shahrizat menerima cek tersebut sebagai wakil JKJ. Turut hadir Timbalan Pengarah Umum JKJ, Halijah Yahaya, Pengarah Pembangunan Masyarakat JKJ, Sh. Abu Bakar Abdul Hamid.

essence  
communications



a wpp company